

Bahagian A

(30 markah)

Jawab semua soalan

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2022 yang disediakan. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

1(a) (I) Berapakah ketinggian puncak tertinggi yang terletak antara Garisan Utaraan 88 hingga 91?

.....  
[1 markah]


(II) Berikan rujukan grid 6 angka bagi lokasi tersebut?

.....  
[2 markah]

(b) Berapakah bearing Bukit Golok (RG114882) dari titik ketinggian (RG142923)?

.....  
[2 markah]

(c) (I) Apakah jenis pola saliran dalam segi empat grid di bawah?




.....  
[1 markah]

(II) Nyatakan kesan terhadap alam sekitar yang akan berlaku jika kawasan dalam segi empat grid di atas dimajukan tanpa kawalan.

.....  
.....  
.....  
[3 markah]



(d) (I) Nyatakan kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan dalam segi empat grid di bawah.



.....  
.....

[2 markah]

(II) Wajarkah kegiatan ekonomi di d(I) dilakukan?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

2. Soalan 2 berdasarkan jadual di bawah.

Sektor	Jumlah bukan warga negara (ribu orang)			
	2015	2016	2017	2018
Pertanian	648	620	612	490
Pembuatan	410	510	516	540
Perkhidmatan	750	810	810	862

(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia)

Jadual : Taburan pekerja bukan warganegara mengikut sektor antara tahun 2015 hingga 2018 di Malaysia.

a) Lukis sebuah graf garisan berganda bagi menunjukkan perbandingan jumlah taburan bukan warga negara yang berkerja di Malaysia mengikut sector antara tahun 2015 hingga 2018. Gunakan skala 1cm mewakili 50 ribu orang.

[7 markah]

b) Berdasarkan graf garisan berganda yang dilukis, mengapakah berlaku perubahan jumlah warga asing yang berkerja dalam sektor pertanian.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

c) Bincangkan kesan kemasukan buruh asing terhadap pembangunan ekonomi Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 Markah]

**Bahagian B**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

3. Soalan 3 berdasarkan foto di bawah



(a) Nyatakan fenomena alam yang berlaku di peringkat hulu sungai dalam foto di atas.

.....

[1 markah]

(b) Senaraikan faktor-faktor berlakunya fenomena di atas.

.....  
.....  
.....

[3 markah]

(c) Terangkan kesan kepada manusia akibat fenomena ini.

.....  
.....  
.....


[3 markah]

(d) Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kesan fenomena ini.

.....  
.....  
.....

[3 markah]

● Soalan 4 berdasarkan foto di bawah.



(a) Apakah sumber tenaga boleh baharu dalam foto di atas

.....

[1 markah]

(b) Nyatakan dua contoh negara yang memajukan sumber tenaga tersebut?

.....  
.....

[2 markah]

(c) Jelaskan kesan negatif penggunaan sumber tenaga tersebut kepada manusia dan alam sekitar.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah ]

(d) Cadangkan usaha pengurusan sumber tenaga di dunia.

.....  
.....  
.....

[3 markah ]

5 Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



(a) (I) Nyatakan jenis batuan yang terlibat dalam perlombongan di atas.

..... [1 markah]

(II) Nyatakan contoh batuan yang boleh dilombong.

.....  
..... [2 markah]

(b) Jelaskan kesan aktiviti pengkuarian terhadap alam sekitar.

.....  
.....  
.....  
.....  
..... [4 markah]

(c) Berikan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan aktiviti pengkuarian terhadap alam sekitar.


.....  
.....  
.....  
..... [3 markah]

## Bahagian C

Jawab dua soalan sahaja  
(40 markah)

Soalan 6 berdasarkan Rajah dan Jadual di bawah

Piramid Penduduk Negara X pada tahun 2016



6. (a) Terangkan tentang struktur umur, jangka hayat serta nisbah jantina penduduk negara X. [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan struktur dan komposisi penduduk piramid penduduk tersebut di negara X [8 markah]

**Jadual 1** Kadar Kelahiran Kasar Penduduk Malaysia antara tahun 2014 hingga tahun

Tahun	Kadar Kelahiran Kasar Penduduk Malaysia (bagi setiap 1 000 orang)
2014	17.2
2015	16.7
2016	16.1
2017	16.1

(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia)

- (c) Merujuk jadual di atas, terangkan faktor yang mempengaruhi trend perubahan kadar kelahiran kasar penduduk Malaysia antara tahun 2014 hingga tahun 2017.

[6 markah]

- 7 (a) Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian di Malaysia?

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran makanan negara.

Isu kekurangan bekalan makanan seperti yang dilaporkan media massa baru-baru ini menunjukkan negara masih berdepan isu keterjaminan makanan. Kita perlu sedar isu keterjaminan makanan wujud apabila rakyat tidak mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada makanan selamat serta berkhasiat mencukupi selain memenuhi keperluan diet untuk kehidupan aktif lagi sihat.

Kini didapati harga sayur-sayuran dan buah-buahan di pasaran meningkat antara 50 sen sehingga RM4 sekilogram. Penjual menyatakan kenaikan ini berikutan kekurangan pengeluaran sehingga tidak dapat menampung permintaan yang tinggi.

Sumber: [bhrencana@bh.com.my](mailto:bhrencana@bh.com.my) Februari 12, 2024@9:58am


Huraikan bagaimana masalah kekurangan pengeluaran makanan negara boleh diatasi.

[8 markah]

- (c) Jelaskan kesan aktiviti pertanian terhadap alam sekitar.

[6 markah]

Soalan 8 adalah berdasarkan maklumat berikut.




- (a) Jelaskan punca yang menyebabkan berlakunya fenomena cuaca dan iklim dalam maklumat di atas? [6 markah]
- (b) Terangkan kesan fenomena cuaca terhadap manusia dan alam sekitar. [8 markah]
- (c) Cadangkan langkah mengurangkan kesan fenomena tersebut terhadap kelestarian alam sekitar. [6 markah]

- 9 a) Di atas Peta dunia di halaman 11 namakan tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan yang bertanda:
- (i) P
  - (ii) Q
  - (iii) R
  - (iv) S
- [4 markah]
- (b) Bagaimanakah tumbuh-tumbuhan hutan konifer dapat menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran yang sejuk?
- [4 markah]
- (c) Huraikan kegiatan manusia yang menjadi punca utama kepupusan hidupan liar di dunia. Berikan pendapat anda.
- [8 markah]
- (d) Senaraikan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia bagi menyelamatkan hidupan liar daripada ancaman kepupusan.
- [4 markah]

-KERTAS TAMAT-

Peta 1 untuk Soalan No.9(a) pada halaman 11.



Peta 1 : DUNIA

P	R
Q	S